



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN RESEARCH-TO- DEVELOPMENT (R2D) BADAN PENDAMAI LPPKN

21 April 2026 (Selasa)  
Hotel Dorsett, Putrajaya



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



LPPKN  
MENERAJUI  
KESEJAHTERAAN  
KELUARGA



**Disediakan oleh:**

Unit Pengurusan Data Penyelidikan  
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

**Untuk maklumat lanjut:**

Telefon: 03 – 2613 7555

Emel: [penduduk@lppkn.gov.my](mailto:penduduk@lppkn.gov.my)

Laman Sesawang: [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my) / [mprh@lppkn.gov.my](mailto:mprh@lppkn.gov.my)

Alamat: No. 12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

## ISI KANDUNGAN

<b>1.0 LATAR BELAKANG</b> .....	<b>4</b>
<b>2.0 UCAPAN PERASMIAN SESI R2D BADAN PENDAMAI LPPKN</b> .....	<b>6</b>
<b>3.0 PENGENALAN INISIATIF BADAN PENDAMAI LPPKN</b> .....	<b>9</b>
<b>4.0 SESI PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN GP LPPKN 2025</b> .....	<b>12</b>
<b>4.1 Pembentangan 1:</b> .....	<b>12</b>
Improving Marriage Tribunal Mediation Framework and Practices .....	12
<b>Prof. Dr. Mansor Abu Talib, UCSI University</b> .....	12
<b>4.2 Pembentangan 2:</b> .....	<b>15</b>
Improving the Marriage Tribunal Process for the Urban Non-Muslim Using Qualitative Research.....	15
<b>Dr. Teoh Gaik Kin, IMU University</b> .....	15
<b>4.3 Pembentangan 3:</b> .....	<b>18</b>
From Nasty Divorce to Healthy Divorce: The Influence of Co-Parenting Functional in Post-Divorce Cases on Child Well-Being in Sarawak .....	18
<b>Dr. Asmaul Husna Haris Fadzilah, Universiti Malaysia Sarawak</b> .....	18
<b>4.4 Pembentangan 4:</b> .....	<b>21</b>
Pembangunan Model dan Modul Terapeutik Berasaskan Kaunseling Keluarga untuk Menangani Gangguan Orang Ketiga dalam Perkahwinan.....	21
<b>Dr. Aini Azeqa Ma'rof, Universiti Putra Malaysia</b> .....	21
<b>4.5 Pembentangan 5:</b> .....	<b>24</b>
Reka Bentuk Model Kaunseling Krisis Kehilangan bagi Pra dan Pasca Perceraian .....	24
<b>Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad, Universiti Sains Malaysia</b> .....	24
<b>4.6 Pembentangan 6:</b> .....	<b>27</b>
Pembinaan Model Kaunseling Pra dan Pasca Perceraian Komprehensif WITAJ (Wiqayah, Tahlil wa 'Ilaj).....	27
<b>Dr. Rosliza Ahmad, Universiti Utara Malaysia</b> .....	27
<b>5.0 HASIL MAKMAL TERJEMAHAN PENYELIDIKAN (R2D LAB)</b> .....	<b>29</b>
5.1 Lab 1: "Badan Pendamai LPPKN: Keperluan, Kerangka Pelaksanaan dan Implikasi Dasar" .....	29
5.2 Lab 2: "SOP Pra Perceraian: Intervensi Awal dalam Konflik Rumah Tangga".....	32
5.3 Lab 3: "Modul dan Intervensi Pasca Perceraian: Ke Arah Sokongan Keluarga lebih Komprehensif".....	36
<b>6.0 UCAPAN PENUTUP SESI R2D BADAN PENDAMAI LPPKN</b> .....	<b>38</b>
<b>7.0 LAMPIRAN</b> .....	<b>41</b>
7.1 Slaid Pembentangan Hasil Makmal Terjemahan (R2D Lab) .....	41
7.2 Senarai Kehadiran Makmal Terjemahan (R2D Lab) .....	41

**SESI RESEARCH-TO-DEVELOPMENT (R2D)**  
**BADAN PENDAMAI LPPKN**  
**21 APRIL 2026 (SELASA)**  
**HOTEL DORSETT, PUTRAJAYA**

---

## **1.0 LATAR BELAKANG**

Menyedari kepentingan pengukuhan institusi perkahwinan dan kestabilan keluarga dalam menghadapi cabaran sosial masa kini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melalui Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga melaksanakan satu sesi *Research-to-Development (R2D)* yang memfokuskan kepada pembangunan dan pengukuhan peranan **Badan Pendamai LPPKN**. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha pasca Geran Penyelidikan LPPKN (GP LPPKN) 2025 bagi memastikan dapatan penyelidikan yang dihasilkan tidak terhenti pada peringkat akademik semata-mata, sebaliknya diterjemahkan kepada cadangan dasar, program dan intervensi yang boleh dilaksanakan secara praktikal.

Dalam konteks semasa, peningkatan tekanan sosial, perubahan struktur keluarga dan cabaran dalam perhubungan suami isteri memerlukan pendekatan intervensi yang lebih sistematik, bersepadu dan berasaskan bukti. Sehubungan itu, pendekatan R2D dilaksanakan sebagai platform dialog strategik yang menghimpunkan penyelidik, penggubal dasar, pelaksana program dan pemegang taruh bagi menilai dapatan penyelidikan berimpak tinggi serta menterjemahkannya kepada cadangan dasar dan intervensi yang praktikal.

Sesi R2D akan memfokuskan kepada enam (6) kertas penyelidikan utama di bawah GP LPPKN 2025 yang merangkumi aspek perkahwinan dan perceraian, penambahbaikan kerangka tribunal perkahwinan, keberkesanan proses pendamaian dalam konteks masyarakat bandar bukan Islam, peranan keibubapaan bersama (co-parenting) dalam kesejahteraan anak pasca perceraian, serta pembangunan modul terapeutik dalam menangani konflik perkahwinan termasuk isu gangguan pihak ketiga. Dapatan daripada kajian-kajian ini menjadi asas kepada perbincangan berfokus ke arah memperkukuh keberkesanan Badan Pendamai LPPKN.

Melalui sesi R2D, beberapa hasil stratehik dijangka dapat dihasilkan, antaranya penambahbaikan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) Badan Pendamai,

pembangunan model intervensi yang lebih komprehensif meliputi fasa pra dan pasca perceraian, serta pengukuhan pendekatan pendamaian awal sebagai mekanisme pencegahan konflik yang lebih efektif.

Pelaksanaan R2D ini juga adalah selaras dengan aspirasi Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara yang menekankan pengukuhan institusi keluarga sebagai asas kepada kesejahteraan sosial dan pembangunan negara. Hasil daripada sesi ini dapat menyumbang secara langsung kepada pengukuhan ekosistem sokongan keluarga melalui penambahbaikan dasar, pemantapan perkhidmatan serta pembangunan modul intervensi yang lebih responsif, sistematik dan mampan.

Secara keseluruhannya, sesi R2D Badan Pendamai LPPKN ini bukan sahaja berperanan sebagai platform penterjemahan dapatan penyelidikan kepada tindakan pembangunan, malah menjadi pemangkin kepada pembentukan dasar dan program yang lebih berimpak tinggi dalam memperkukuh institusi perkahwinan dan kesejahteraan keluarga di Malaysia.

### **OBJEKTIF**

Objektif penganjuran R2D ini ialah:

- i. Menterjemah dapatan enam (6) penyelidikan di bawah projek Geran Penyelidikan LPPKN 2025 (GPLPPKN 2025) berkaitan Badan Pendamai, intervensi pra perceraian dan sokongan pasca perceraian kepada bentuk intervensi yang praktikal dan berimpak, termasuk pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP), modul latihan serta model pelaksanaan yang komprehensif;
- ii. Mengenal pasti jurang, kekangan dan kelemahan dalam sistem sedia ada berkaitan pengurusan konflik rumah tangga dan perceraian, seterusnya merumuskan cadangan penambahbaikan yang berasaskan bukti (*evidence-based*) bagi memperkukuh keberkesanan perkhidmatan LPPKN; dan
- iii. Menghasilkan cadangan intervensi dan produk yang konkrit seperti SOP, modul, garis panduan dan program intervensi yang boleh dilaksanakan secara berstruktur, termasuk pelaksanaan inisiatif rintis (pilot) dalam tempoh jangka pendek.

## 2.0 UCAPAN PERASMIAN SESI R2D BADAN PENDAMAI LPPKN



Sesi Research-to-Development (R2D) Badan Pendamai LPPKN telah dirasmikan oleh YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim, Pengerusi LPPKN. Dalam ucapan beliau, beliau merakamkan penghargaan kepada moderator, ahli panel, penyelidik Geran Penyelidikan LPPKN (GP LPPKN) 2025 serta pegawai-pegawai LPPKN yang hadir dan memberikan komitmen dalam menjayakan sesi tersebut.

Beliau menegaskan bahawa penganjuran R2D mencerminkan anjakan penting dalam pendekatan LPPKN, iaitu daripada sekadar menghasilkan dapatan penyelidikan kepada usaha menterjemahkan dapatan tersebut kepada **dasar yang boleh dilaksanakan (actionable), program yang berimpak serta intervensi yang sistematik dan berasaskan bukti**. Menurut beliau, platform R2D diwujudkan bagi menghimpunkan penyelidik, penggubal dasar, pakar dan pelaksana program untuk membincangkan serta menilai dapatan enam penyelidikan di bawah GP LPPKN 2025 yang berkaitan dengan Badan Pendamai LPPKN.

Beliau turut menjelaskan bahawa sesi ini bertujuan untuk **menilai keberkesanan pendekatan sedia ada, merumuskan cadangan penambahbaikan berasaskan bukti serta menghasilkan intervensi dan produk yang konkrit**, termasuk prosedur operasi standard (SOP), modul, garis panduan dan program intervensi yang boleh dilaksanakan secara berstruktur bagi memperkukuh perkhidmatan LPPKN.

Dalam ucapan tersebut, beliau menyentuh cabaran semasa yang dihadapi oleh institusi keluarga, termasuk peningkatan konflik rumah tangga, perubahan struktur keluarga dan tekanan kehidupan moden yang memberi kesan kepada kestabilan perkahwinan. Sehubungan itu, beliau menekankan keperluan terhadap **pendekatan intervensi yang lebih sistematik, komprehensif dan berasaskan bukti** bagi menangani cabaran tersebut secara berkesan.

Beliau turut memaklumkan bahawa LPPKN telah mengambil langkah proaktif melalui penyediaan peruntukan dan pelaksanaan inisiatif awal bagi menambah baik pelaksanaan Badan Pendamai LPPKN. Usaha ini diperkukuh lagi melalui kerjasama strategik dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 30 Oktober 2025. Kerjasama tersebut mencerminkan pendekatan **whole-of-government** dalam memperkukuh mekanisme pengurusan dan penyelesaian konflik rumah tangga secara lebih terselaraskan dan berkesan.

Menurut beliau, melalui kolaborasi tersebut, Badan Pendamai LPPKN berpotensi berfungsi bukan sahaja sebagai mekanisme intervensi, malah sebagai platform sokongan keluarga yang lebih menyeluruh merangkumi aspek pencegahan, pendamaian dan pemulihan hubungan kekeluargaan.

Beliau turut menegaskan bahawa pelaksanaan R2D merupakan pelengkap penting kepada usaha penambahbaikan yang sedang dilaksanakan kerana setiap cadangan dan intervensi yang ingin dibangunkan perlu disokong oleh **dapatan penyelidikan yang kukuh, evidence-based serta input daripada pelbagai pihak yang berpengalaman**. Oleh itu, sesi R2D diharap dapat memastikan setiap penambahbaikan yang dirancang adalah relevan dengan realiti semasa dan mampu dilaksanakan secara praktikal.

Mengulas mengenai hasil yang diharapkan daripada sesi tersebut, beliau menyatakan bahawa dapatan dan rumusan R2D dijangka dapat menyumbang kepada **penambahbaikan garis panduan dan SOP Badan Pendamai LPPKN, pembangunan model dan modul intervensi yang lebih komprehensif, serta pembentukan rujukan kebangsaan bagi**

**kaunseling keluarga pra dan pasca perceraian.** Selain itu, hasil perbincangan juga diharap dapat memperkukuh pendekatan pendamaian awal sebagai mekanisme pencegahan konflik yang lebih berkesan.

Beliau turut menyatakan bahawa hasil R2D akan menyokong aspirasi Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara dalam usaha memperkukuh institusi keluarga sebagai asas kepada kesejahteraan sosial dan pembangunan negara.

Mengakhiri ucapan, beliau berharap agar sesi R2D dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua peserta sebagai platform untuk berkongsi pandangan, pengalaman dan kepakaran secara terbuka serta konstruktif. Beliau juga berharap agar sesi tersebut berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan dan menghasilkan rumusan yang jelas, praktikal serta berimpak tinggi dalam memperkukuh pelaksanaan Badan Pendamai LPPKN. Seterusnya, beliau dengan rasminya mengisytiharkan pembukaan Sesi Research-to-Development (R2D) Badan Pendamai LPPKN.



### 3.0 PENGENALAN INISIATIF BADAN PENDAMAI LPPKN

Puan Rosmonaliza Abd Ghani

Pengarah, Bahagian Kesejahteraan Keluarga, LPPKN



Puan Rosmonaliza Abd Ghani, Pengarah Bahagian Kesejahteraan Keluarga LPPKN telah membentangkan perkembangan pelaksanaan **Projek Rintis Badan Pendamai LPPKN** yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** dan **Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)**. Pembentangan dimulakan dengan penerangan mengenai latar belakang keperluan penubuhan Badan Pendamai berdasarkan peningkatan trend perceraian dan isu-isu kekeluargaan yang semakin membimbangkan di Malaysia.

Berdasarkan statistik yang dibentangkan, **jumlah kes perceraian pada tahun 2022 meningkat sebanyak 43.1 peratus berbanding tahun 2021**, iaitu daripada **43,936 kes kepada 62,890 kes**. Peningkatan ini melibatkan kedua-dua pasangan Islam dan bukan Islam,

masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak **45.8 peratus** dan **36.4 peratus**. Selain itu, kadar perceraian umum turut menunjukkan peningkatan bagi lelaki dan wanita. Situasi ini memberi implikasi besar terhadap kesejahteraan keluarga, khususnya kepada wanita dan kanak-kanak yang sering terkesan akibat perpisahan ibu bapa. Pembentangan turut menyoroti bahawa **kes pengabaian kanak-kanak meningkat hampir tiga kali ganda antara tahun 2020 hingga 2024**, sekali gus menunjukkan keperluan kepada intervensi yang lebih berkesan bagi memperkukuh institusi keluarga.

Dalam konteks tersebut, LPPKN telah mengambil inisiatif melaksanakan **Projek Rintis Badan Pendamai** sebagai salah satu mekanisme awal untuk membantu pasangan bukan Islam yang berhadapan dengan konflik rumah tangga. Projek ini bertujuan **mewujudkan Badan Pendamai di premis selain JPN selaras dengan Seksyen 106(3)(c) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]**, di samping menyediakan perkhidmatan bantuan profesional yang lebih komprehensif kepada pasangan yang mengalami kesulitan dalam perkahwinan.

Projek rintis tersebut telah dilaksanakan di **Tingkat 14, Ibu Pejabat LPPKN** bermula **November 2024 hingga September 2025**, selepas melalui fasa persediaan pada Oktober 2024. Bagi tujuan pelaksanaan, sesi tribunal dijalankan antara **dua hingga lima hari setiap bulan** dengan penglibatan seorang pengerusi yang terdiri daripada kaunselor berdaftar, seorang ahli tribunal dan seorang jurulapor atau urus setia. Seramai **15 pegawai LPPKN** telah dilantik sebagai ahli tribunal bagi mengendalikan kes-kes yang dirujuk oleh JPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Beliau turut menjelaskan bahawa **Tribunal Perkahwinan** berfungsi sebagai platform pendamaian bagi pasangan bukan Islam yang menghadapi kesulitan dalam perkahwinan. Selaras dengan **Seksyen 106 Akta 164**, kehadiran ke tribunal merupakan satu keperluan sebelum proses perceraian dapat diteruskan, kecuali bagi kes-kes tertentu yang diperuntukkan oleh undang-undang. Beliau turut memaklumkan bahawa pada tahun 2024, cadangan pindaan Akta 164 telah menggariskan usaha memperkasakan tribunal perkahwinan melalui kerjasama dengan rakan strategik, dan **LPPKN telah dipilih oleh JPN sebagai agensi pertama yang mengendalikan prosiding tribunal perkahwinan di luar premis JPN**.

Pembentangan juga mengupas kronologi kerjasama antara LPPKN dan JPN yang bermula sejak tahun 2021 melalui pelbagai mesyuarat penyelarasan berkaitan cadangan pindaan Akta 164. Usaha tersebut kemudiannya diperkukuhkan melalui **persetujuan Mesyuarat Lembaga**

**Pengarah LPPKN Bilangan 6 Tahun 2024** untuk melaksanakan Projek Rintis Tribunal Perkahwinan, diikuti dengan perancangan pemeteraian **Memorandum Persefahaman (MoU)** antara kedua-dua agensi.

Dari sudut pelaksanaan operasi, sesi tribunal dilaksanakan melalui **tiga peringkat utama**, iaitu sesi pendengaran bersama pempetisyen, sesi pendengaran bersama responden dan sesi pendengaran secara bersama. **Pendekatan kaunseling keluarga dan perkahwinan** diterapkan dalam setiap sesi bagi membantu pasangan mengenal pasti isu yang dihadapi, memperbaiki komunikasi serta meneroka peluang pendamaian sebelum keputusan untuk bercerai dibuat. Bagi menyokong pelaksanaan perkhidmatan ini, beberapa kemudahan di Ibu Pejabat LPPKN telah dinaik taraf termasuk kaunter pendaftaran, ruang menunggu, bilik tribunal, bilik kaunseling dan bilik terapi kanak-kanak bagi menyediakan suasana yang lebih kondusif, selesa dan mesra pelanggan.

Sehingga **31 Ogos 2025**, sebanyak **83 kes tribunal perkahwinan** telah didaftarkan di bawah projek rintis ini. Daripada jumlah tersebut, **22 kes telah dirujuk kepada sesi kaunseling** yang dikendalikan oleh Unit Kaunseling dan Intervensi, Ibu Pejabat LPPKN. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan tribunal bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian konflik perkahwinan, malah turut membuka ruang kepada intervensi kaunseling yang lebih menyeluruh dalam membantu pasangan dan keluarga yang berhadapan dengan krisis rumah tangga.


Sebagai langkah ke hadapan, beliau mencadangkan pembangunan **Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan** yang berperanan sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kekeluargaan dan perkahwinan. Pusat tersebut dicadangkan menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk **tribunal perkahwinan, kaunseling perkahwinan dan keluarga, kaunseling pra dan pasca perceraian, perkhidmatan mediasi, kaunseling kelompok, terapi serta program keibubapaan bersama (co-parenting)**. Inisiatif ini dilihat berpotensi memperkukuh sistem sokongan keluarga negara serta memperluas akses masyarakat kepada perkhidmatan intervensi keluarga yang berkualiti dan bersepadu.

#### 4.0 SESI PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN GP LPPKN 2025

##### 4.1 Pembentangan 1:

*Improving Marriage Tribunal Mediation Framework and Practices*

Prof. Dr. Mansor Abu Talib, UCSI University



Prof. Dr. Mansor Abu Talib dari UCSI University, telah membentangkan dapatan kajian bertajuk "*Improving Marriage Tribunal Mediation Framework and Practices*" berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada keretakan rumah tangga, profil kompetensi Ahli Tribunal serta cadangan penambahbaikan sistem Badan Pendamai. Pembentangan tersebut menekankan kepentingan pendekatan berasaskan bukti dalam memperkukuh keberkesanan peranan Badan Pendamai sebagai mekanisme penyelesaian konflik rumah tangga.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa **masalah kewangan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada keretakan rumah tangga**, sebagaimana dikenal pasti oleh kedua-

dua kumpulan responden iaitu Ahli Tribunal dan klien. Selain itu, Ahli Tribunal turut mengenal pasti **kecurangan pasangan** dan **kegagalan komunikasi** sebagai antara punca utama konflik perkahwinan. Walau bagaimanapun, klien meletakkan **kurang komitmen dan kematangan pasangan** sebagai faktor kedua paling signifikan selepas masalah kewangan. Perbezaan dapatan ini menunjukkan wujudnya **jurang persepsi antara Ahli Tribunal dan klien** dalam memahami punca sebenar konflik rumah tangga, sekali gus memberi petunjuk bahawa aspek komitmen dan kematangan pasangan perlu diberikan perhatian yang lebih mendalam dalam proses pendamaian.

Dari perspektif kompetensi Ahli Tribunal, kajian mendapati bahawa aspek sikap mencatatkan prestasi yang paling tinggi. Ahli Tribunal menunjukkan **komitmen yang kukuh terhadap pembangunan profesional berterusan, prinsip berkecuali serta kepercayaan bahawa pihak yang terlibat berupaya menentukan penyelesaian terbaik bagi konflik yang dihadapi**. Selain itu, Ahli Tribunal turut menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi dalam mengendalikan kes melibatkan pasangan daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama. Dapatan ini turut disokong oleh maklum balas klien yang menilai secara positif keupayaan Ahli Tribunal dalam menghormati kepelbagaian budaya dan nilai keagamaan sepanjang proses pendamaian.

Walaupun bagaimanapun, kajian turut mengenal pasti beberapa aspek yang memerlukan penambahbaikan. Antaranya ialah **tahap kefahaman terhadap Akta Pengantaraan 2012 yang masih rendah**, khususnya dalam aspek standard dan amalan pengantaraan di peringkat nasional. Selain itu, kemahiran berkaitan **rundingan secara berstruktur, mengenal pasti isu asas yang menjadi punca konflik serta mudah cara komunikasi secara berkesan** turut dikenal pasti sebagai bidang yang memerlukan pengukuhan. Kekurangan dalam aspek tersebut berpotensi menyebabkan proses pendamaian hanya tertumpu kepada simptom konflik tanpa menangani punca sebenar permasalahan yang dihadapi oleh pasangan.

Kajian juga mendapati bahawa sebahagian Ahli Tribunal mengalami tekanan emosi apabila usaha pendamaian tidak mencapai hasil yang diharapkan. Sehubungan itu, Prof. Mansor menekankan keperluan untuk menyediakan **latihan pengurusan emosi, kemahiran profesional dan mekanisme sokongan psikososial** bagi membantu Ahli Tribunal mengekalkan kesejahteraan emosi ketika mengendalikan kes yang kompleks dan mencabar.

Berdasarkan penilaian klien terhadap perkhidmatan Badan Pendamai, tahap kepuasan keseluruhan didapati berada pada tahap yang baik. Aspek yang menerima penilaian tertinggi

ialah **keadilan dan sokongan yang diberikan oleh Ahli Tribunal, penghormatan terhadap nilai budaya dan agama, komunikasi yang jelas serta sikap berkecuali dalam mengendalikan kes**. Namun demikian, beberapa ruang penambahbaikan turut dikenal pasti, termasuk **kemahiran pengurusan konflik, akses kepada perkhidmatan dalam bahasa ibunda serta kesinambungan pengendalian kes oleh Ahli Tribunal yang sama** bagi memastikan pengalaman perkhidmatan yang lebih konsisten dan berkesan.

Sebagai langkah memperkukuh sistem Badan Pendamai, beliau telah mengemukakan satu pelan reformasi yang berasaskan empat komponen utama iaitu **struktur, proses, pengamal dan prestasi**. Cadangan tersebut merangkumi pewujudan **kerangka nasional yang seragam, mandat perundangan yang lebih jelas di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], pelaksanaan proses pendamaian pelbagai sesi yang lebih sistematik serta pembangunan ekosistem rujukan bersepadu melibatkan pelbagai agensi berkaitan**. Di samping itu, beliau turut mencadangkan pengukuhan latihan berdasarkan jurang kompetensi yang dikenal pasti, pelaksanaan kod etika yang lebih menyeluruh serta penggunaan petunjuk prestasi berasaskan hasil bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan dapat diukur secara objektif.

Beliau turut memperkenalkan cadangan **Model Tribunal Bersepadu**, yang merangkumi proses penilaian awal dan beberapa peringkat intervensi yang lebih tersusun. Model ini memberi penekanan kepada **penilaian tahap komitmen dan kematangan pasangan (locus of control evaluation)** sebagai elemen penting dalam proses pendamaian, selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan faktor tersebut merupakan antara punca utama konflik yang dikenal pasti oleh klien. Beliau berpandangan bahawa pendekatan yang lebih holistik dan berstruktur mampu meningkatkan keberkesanan Badan Pendamai dalam membantu pasangan mencapai penyelesaian yang lebih mampan dan berkualiti.

#### 4.2 Pembentangan 2:

*Improving the Marriage Tribunal Process for the Urban Non-Muslim Using Qualitative Research*

**Dr. Teoh Gaik Kin, IMU University**



Dr. Teoh Gaik Kin dari IMU University telah membentangkan hasil kajian bertajuk “**Improving the Marriage Tribunal Process for the Urban Non-Muslim Using Qualitative Research**” yang memberi tumpuan kepada penambahbaikan proses Tribunal Perkahwinan bagi masyarakat bukan Islam di kawasan bandar. Kajian ini meneliti pengalaman pemohon, responden, Ahli Tribunal dan kakitangan pentadbiran yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan proses tribunal serta mengenal pasti cabaran dan keperluan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan sistem sedia ada.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ramai pemohon dan responden masih **kurang memahami tujuan, fungsi dan prosedur Tribunal Perkahwinan**, sekali gus menyebabkan mereka berasa keliru, tertekan dan tidak bersedia semasa menghadiri prosiding. Bagi

menangani isu tersebut, kajian mencadangkan supaya LPPKN membangunkan **platform maklumat khusus Badan Pendamai** yang menyediakan penerangan mengenai tujuan tribunal, jangkaan semasa prosiding, carta alir proses tribunal dari peringkat pra hingga pasca tribunal serta akses kepada sumber sokongan berkaitan. Platform tersebut juga boleh digunakan untuk menghebahkan program pendidikan perkahwinan, penyelesaian konflik secara damai, keibubapaan bersama (*co-parenting*) dan perkhidmatan sokongan keluarga yang lain.

Kajian turut menekankan kepentingan pelaksanaan **sesi pra dan pasca tribunal** secara lebih sistematik. Sesi pra tribunal dicadangkan bagi membantu pasangan memahami kedudukan mereka, mengenal pasti pilihan yang masih tersedia dan menilai keperluan intervensi segera khususnya bagi kes yang melibatkan risiko keselamatan atau ancaman terhadap kehidupan. Sementara itu, sesi pasca tribunal boleh berfungsi sebagai medium rujukan kepada pelbagai perkhidmatan sokongan seperti kaunseling keluarga, perkhidmatan kesihatan mental, bantuan bagi mangsa keganasan rumah tangga, perkhidmatan keibubapaan bersama dan sokongan sosial lain yang bersesuaian. Selain itu, kajian turut mengenal pasti **halangan bahasa** sebagai cabaran yang boleh menjejaskan keberkesanan proses tribunal, justeru kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dicadangkan bagi memperluaskan rangkaian bantuan dan sokongan kepada pelanggan.

Dalam aspek pengurusan tribunal, pembentangan ini mengesyorkan penambahbaikan terhadap **Prosedur Operasi Standard (SOP) Tribunal** serta pengukuhan peranan Ahli Tribunal. Kajian mendapati bahawa Ahli Tribunal berdepan dengan risiko **traumatisasi sekunder, keletihan emosi (*compassion fatigue*), tekanan kerja dan kekeliruan peranan** akibat pendedahan berterusan kepada kes-kes konflik keluarga. Sehubungan itu, disarankan agar lebih banyak ruang rehat disediakan antara sesi tribunal, selain pelaksanaan latihan berkaitan kesejahteraan psikologi, pengurusan tekanan dan penjagaan sendiri. Budaya kerja yang menyokong dan tidak menghukum juga perlu dipupuk bagi mengurangkan stigma terhadap pegawai yang memerlukan bantuan profesional.

Kajian turut menegaskan bahawa peranan Ahli Tribunal perlu diperjelaskan agar selaras dengan fungsi sebenar mereka, iaitu sebagai pihak yang menjalankan verifikasi fakta, menyemak dokumentasi serta menghubungkan pelanggan dengan sumber bantuan yang bersesuaian. Ahli Tribunal tidak seharusnya menjalankan fungsi kaunseling melainkan mempunyai kelayakan dan pendaftaran yang diiktiraf di bawah **Akta Kaunselor 1998 [Akta 580]**. Justeru, proses pemilihan Ahli Tribunal perlu mengambil kira aspek kestabilan emosi,

profesionalisme dan empati, di samping menyediakan latihan berkaitan etika dan peranan tribunal secara berterusan.

Dari perspektif pentadbiran, kajian mengenal pasti **kekurangan sumber manusia dan beban tugas yang tinggi** sebagai antara cabaran utama dalam pengurusan kes tribunal. Bagi meningkatkan kecekapan operasi, dicadangkan supaya proses pentadbiran diperkasakan melalui **pendigitalan sistem**, termasuk saringan awal kes, penyelarasan antara agensi dan pengurusan rekod. Kakitangan pentadbiran dan jurulapor juga disarankan menerima latihan berkaitan kesihatan mental, pengurusan stres dan penjagaan sendiri, selain diberi peluang mengikuti latihan kemahiran teknikal secara berkala. Penyediaan garis panduan yang jelas dan sokongan berterusan turut dilihat penting bagi memastikan pelaksanaan tugas dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Selain penambahbaikan dalaman, kajian menekankan keperluan memperkukuh **kerjasama rentas kementerian dan agensi** dalam menangani isu-isu berkaitan perkahwinan, perceraian dan kesejahteraan keluarga. Antara cadangan yang dikemukakan termasuk meningkatkan akauntabiliti dan koordinasi dalam pengendalian kes melibatkan individu hilang, ketidakhadiran pihak terlibat, keganasan rumah tangga, isu keselamatan dan *parental alienation* melalui kerjasama antara Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Imigresen Malaysia. Kajian juga mencadangkan agar **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [LRA 1976]** diteliti semula bagi memastikan pelaksanaannya lebih responsif terhadap keperluan semasa pasangan yang berdepan konflik rumah tangga.

Sebagai rumusan, beliau menegaskan bahawa pengukuhan fungsi Badan Pendamai memerlukan **pendekatan ekologi yang menyeluruh**, melibatkan individu, keluarga, komuniti, institusi dan agensi berkaitan. Beliau turut menekankan bahawa pengalaman perceraian dan konflik keluarga boleh memberi kesan jangka panjang kepada perkembangan kanak-kanak dan merupakan sebahagian daripada **Adverse Childhood Experiences (ACE)** yang diiktiraf sebagai isu kesihatan awam di peringkat antarabangsa. Oleh itu, usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan perceraian terhadap anak-anak, kepentingan keibubapaan bersama, pendidikan perkahwinan dan sokongan kesihatan mental perlu diperkukuh secara berterusan melalui kerjasama pelbagai pihak.

### 4.3 Pembentangan 3:

*From Nasty Divorce to Healthy Divorce: The Influence of Co-Parenting Functional in Post-Divorce Cases on Child Well-Being in Sarawak*

**Dr. Asmaul Husna Haris Fadzilah, Universiti Malaysia Sarawak**



Dr. Asmaul Husna Haris Fadzilah membentangkan hasil kajian bertajuk ***“From Nasty Divorce to Healthy Divorce: The Influence of Co-Parenting Functional in Post-Divorce Cases on Child Well-Being in Sarawak”*** yang memfokuskan kepada pengaruh amalan keibubapaan bersama (*co-parenting*) terhadap kesejahteraan kanak-kanak dalam situasi pasca perceraian di Sarawak. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak selepas perceraian serta mencadangkan intervensi yang dapat membantu keluarga beralih daripada situasi perceraian berkonflik tinggi kepada perceraian yang lebih sihat dan konstruktif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa **cabaran utama dalam pengurusan keluarga pasca perceraian**, antaranya **konflik yang berterusan antara ibu**

**bapa**, yang memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan emosi dan tingkah laku kanak-kanak. Selain itu, **kelemahan penguatkuasaan nafkah anak** turut menyumbang kepada ketidakstabilan kewangan keluarga dan menjejaskan kebajikan anak-anak. Kajian juga mendapati bahawa masih terdapat **kekurangan program pendidikan keibubapaan bersama yang bersifat mandatori**, menyebabkan ramai ibu bapa tidak bersedia untuk mengurus tanggungjawab keibubapaan selepas perceraian. Akses kepada perkhidmatan kaunseling dan sokongan yang terhad, khususnya di kawasan luar bandar Sarawak, turut menjadi antara isu yang perlu diberi perhatian. Faktor lain yang dikenal pasti termasuk **komunikasi yang lemah antara bekas pasangan**, stigma masyarakat terhadap perceraian serta kerumitan proses perundangan yang melibatkan sistem Syariah, Sivil dan adat.

Bagi menangani cabaran tersebut, kajian mencadangkan pelaksanaan **kerangka pasca perceraian yang berpusatkan kanak-kanak (child-centric framework)**. Antara cadangan utama ialah memperkenalkan **program mediasi dan pendidikan keibubapaan bersama secara mandatori**, yang turut mengambil kira suara dan pandangan kanak-kanak dalam keputusan berkaitan hak penjagaan. Kajian juga mencadangkan supaya susunan tempat tinggal dan hak penjagaan kanak-kanak disemak secara berkala dalam tempoh setahun selepas perceraian bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terpelihara. Selain itu, **penguatkuasaan undang-undang nafkah anak perlu diperkukuhkan** melalui mekanisme pemantauan yang lebih berkesan serta prosedur penyelesaian pertikaian yang jelas. Kajian turut mengesyorkan penubuhan **Pusat Sokongan dan Mediasi Komuniti (Community Support and Mediation Centres - CSMC)** yang melibatkan kerjasama antara LPPKN, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mahkamah bagi menyediakan khidmat pemantauan, mediasi dan sokongan kepada keluarga pasca perceraian.

Kajian ini turut memperincikan perbezaan antara konsep "**Nasty Divorce**" dan "**Healthy Divorce**". *Nasty Divorce* merujuk kepada proses perceraian yang melibatkan pertikaian berpanjangan, konflik tinggi berkaitan hak penjagaan, pembahagian harta, nafkah dan kewangan, serta memberi kesan emosi dan psikologi yang serius kepada pihak terlibat. Sebaliknya, *Healthy Divorce* dicirikan oleh proses perceraian yang lebih cepat diselesaikan, berasaskan persetujuan bersama, komunikasi yang baik dan kerjasama berterusan antara ibu bapa dalam memastikan kebajikan anak-anak sentiasa terpelihara.

Dari sudut analisis statistik, kajian mendapati bahawa **intervensi yang diterima, kualiti keibubapaan bersama dan tahap konflik sebelum perceraian merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak selepas perceraian**. Model

regresi linear yang dibangunkan menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor tersebut mampu menerangkan **75.2 peratus variasi dalam kesejahteraan kanak-kanak**, dengan **kualiti keibubapaan bersama muncul sebagai faktor yang paling dominan**. Dapatan ini mengesahkan bahawa hubungan kerjasama yang positif antara ibu bapa selepas perceraian memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu proses penyesuaian dan perkembangan kanak-kanak.

Berdasarkan dapatan tersebut, kajian telah membangunkan **Model Intervensi Healthy Divorce** yang berasaskan pendekatan **4P**, iaitu **People, Professionals, Policy dan Psychosocial Support**. Model ini menekankan kepentingan sokongan daripada ahli keluarga dan komuniti, penglibatan profesional seperti kaunselor, ahli psikologi, peguam syarie, pekerja sosial dan mediator keluarga, serta penyediaan dasar yang menyokong penguatkuasaan nafkah dan pembangunan pusat sehati untuk keluarga pasca perceraian. Di samping itu, aspek **sokongan psikososial** seperti kaunseling, terapi trauma, sokongan spiritual dan kumpulan sokongan turut dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memperkasakan wanita pasca perceraian serta meningkatkan kesejahteraan keluarga secara keseluruhan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa **amalan keibubapaan bersama yang berkualiti dan intervensi sokongan yang komprehensif mampu mengurangkan kesan negatif perceraian terhadap kanak-kanak serta membantu mewujudkan proses perceraian yang lebih sihat dan konstruktif**. Kajian turut menekankan keperluan pengukuhan dasar, pendidikan keibubapaan bersama dan sistem sokongan komuniti bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak dan keluarga pasca perceraian dapat dipelihara secara berterusan.

#### 4.4 Pembentangan 4:

Pembangunan Model dan Modul Terapeutik Berasaskan Kaunseling Keluarga untuk Menangani Gangguan Orang Ketiga dalam Perkahwinan

**Dr. Aini Azeqa Ma'rof, Universiti Putra Malaysia**



Dr. Aini Azeqa Ma'rof, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah membentangkan hasil kajian berkaitan pembangunan **Model Integratif Resiliensi Keluarga (IRK)** dan **Modul Kaunseling Terapeutik K.A.S.I.H** sebagai satu kerangka intervensi terapeutik bagi menangani isu **gangguan orang ketiga (GOK)** dalam institusi keluarga. Pembentangan ini berpandukan kepada realiti semasa yang menunjukkan peningkatan kadar perceraian di Malaysia, di mana gangguan orang ketiga dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada konflik dan keruntuhan rumah tangga. Gangguan tersebut merangkumi hubungan romantik atau seksual, keterlibatan emosi dan psikologi dengan pihak ketiga, hubungan melalui medium digital, pengaruh rakan sekerja serta campur tangan keluarga kembangan yang akhirnya menjejaskan keharmonian keluarga.

Pembentang menjelaskan bahawa gangguan orang ketiga bukan sahaja menjejaskan hubungan pasangan suami isteri, malah memberi implikasi yang lebih luas terhadap keseluruhan sistem keluarga. Situasi ini boleh menghakis **kepercayaan**, melemahkan **keterikatan emosi**, mewujudkan konflik berpanjangan serta mengganggu fungsi dan struktur keluarga. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa masih belum wujud **model teoritikal dan modul intervensi yang dibangunkan secara khusus untuk menangani gangguan orang ketiga dalam konteks kaunseling keluarga di Malaysia**. Selain itu, kaunselor yang mengendalikan kes-kes berkaitan juga tidak mempunyai panduan terapeutik yang standard dan komprehensif, termasuk instrumen penilaian, lembaran kerja serta prosedur intervensi yang seragam.

Bagi mengatasi jurang tersebut, kajian ini telah menghasilkan **Model Integratif Resiliensi Keluarga (IRK)** yang menggabungkan tiga pendekatan teori utama iaitu **Bowen Family Systems Theory, Structural Family Therapy (Minuchin)** dan **Emotion-Focused Therapy (EFT)**. Melalui perspektif Bowen, isu gangguan orang ketiga dikaitkan dengan fenomena triangulasi, tahap diferensiasi diri yang rendah dan kecenderungan pasangan mendapatkan sokongan emosi daripada pihak luar apabila berdepan tekanan dalam hubungan. Pendekatan Structural Family Therapy pula menekankan kepentingan sempadan keluarga yang jelas serta struktur hubungan yang sihat bagi mengelakkan campur tangan pihak luar yang boleh menjejaskan autonomi pasangan. Sementara itu, pendekatan EFT memberi penekanan kepada pemulihan hubungan emosi, penyembuhan luka keterikatan (*attachment injury*) serta pemenuhan keperluan emosi yang tidak dipenuhi dalam hubungan perkahwinan. Gabungan ketiga-tiga pendekatan ini membentuk satu **kerangka diagnostik dan terapeutik yang menyeluruh**, yang dapat membantu kaunselor memahami punca, dinamika dan proses pemulihan bagi kes-kes gangguan orang ketiga.

Berdasarkan model tersebut, kajian ini turut membangunkan **Modul Kaunseling Terapeutik K.A.S.I.H**, iaitu modul intervensi berstruktur yang direka khusus untuk digunakan oleh kaunselor dan pengamal kaunseling keluarga. Modul ini mengandungi enam fasa utama yang merangkumi proses pembinaan hubungan terapeutik dan pengenalpastian isu, penilaian nilai kekeluargaan dan dinamika hubungan, penetapan matlamat terapeutik, pelaksanaan intervensi integratif berasaskan teori Bowen, Minuchin dan EFT, serta penilaian keberkesanan intervensi dan perancangan susulan. Setiap fasa dilengkapi dengan **skrip intervensi, lembaran kerja, instrumen penilaian dan borang pemantauan kemajuan**, sekali gus membolehkan proses kaunseling dilaksanakan secara lebih sistematik, konsisten dan berfokus.

Pembentang turut menghuraikan bahawa pelaksanaan Modul K.A.S.I.H berpotensi membantu keluarga melalui proses pemulihan yang lebih tersusun, bermula daripada mengenal pasti punca konflik sehingga mencapai tahap kesejahteraan keluarga yang lebih stabil. Antara hasil yang disasarkan melalui intervensi ini ialah **pemulihan keterikatan emosi antara pasangan, pengukuhan nilai kekeluargaan, pembentukan sempadan keluarga yang lebih jelas serta peningkatan daya tahan keluarga terhadap gangguan orang ketiga pada masa hadapan**. Pendekatan ini juga memberi penekanan kepada pembinaan semula keselamatan hubungan (relational safety) bagi memastikan perubahan yang dicapai dapat dikekalkan dalam jangka panjang.

Dari sudut aplikasi, pembentangan ini menunjukkan bahawa Model IRK dan Modul K.A.S.I.H berpotensi menjadi satu inovasi penting dalam memperkukuh perkhidmatan kaunseling keluarga di Malaysia. Penggunaannya dapat menyediakan **panduan intervensi yang standard dan berstruktur kepada kaunselor LPPKN**, di samping meningkatkan keseragaman amalan kaunseling serta kualiti penyampaian perkhidmatan kepada klien. Sehubungan itu, pembentang mencadangkan agar latihan penggunaan modul ini dilaksanakan kepada kaunselor LPPKN sebagai langkah awal, diikuti dengan kajian keberkesanan modul di pusat-pusat kaunseling terpilih. Dalam jangka panjang, modul ini dicadangkan untuk diperkemas berdasarkan dapatan empirikal dan maklum balas pengguna sebelum dipertimbangkan sebagai **SOP rasmi bagi pengendalian kes gangguan orang ketiga dalam perkhidmatan kaunseling keluarga LPPKN**.

#### 4.5 Pembentangan 5:

Reka Bentuk Model Kaunseling Krisis Kehilangan bagi Pra dan Pasca Perceraian

**Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad, Universiti Sains Malaysia**



Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad telah membentangkan hasil kajian berkaitan **Reka Bentuk Model Kaunseling Krisis Kehilangan bagi Pra dan Pasca Perceraian** yang dibangunkan sebagai kerangka intervensi untuk membantu individu yang berhadapan dengan krisis kehilangan akibat perceraian. Model ini dibangunkan bagi menyediakan panduan yang lebih sistematik kepada kaunselor dalam mengendalikan isu-isu berkaitan perceraian, khususnya dalam membantu klien mengurus emosi, membuat keputusan serta membina semula kehidupan selepas berlakunya krisis.

Menurut beliau, model yang dicadangkan mengandungi **enam fasa utama**, iaitu **Saringan Awal, Pembinaan Hubungan dan Penstrukturan Sesi, Penerokaan Isu dan Penilaian Krisis, Intervensi, Sokongan serta Penyesuaian Pasca Perceraian**. Kesemua fasa ini

saling melengkapi dan dirangka bagi memastikan proses kaunseling dilaksanakan secara menyeluruh mengikut keperluan dan tahap krisis yang dialami oleh klien.

Dalam **Fasa Saringan Awal**, kaunselor perlu mengenal pasti tahap kesediaan klien dan kaunselor sebelum sesi kaunseling dimulakan. Proses ini merangkumi pengumpulan maklumat asas klien, mendapatkan persetujuan termaklum (*informed consent*) serta semakan latar belakang yang meliputi aspek demografi, sosial, kesihatan, sejarah perceraian dan keadaan ekonomi. Langkah ini penting bagi memastikan intervensi yang dirancang bersesuaian dengan situasi sebenar klien.

Seterusnya, **Fasa Pembinaan Hubungan dan Penstrukturan Sesi** memberi penekanan kepada pembentukan hubungan terapeutik yang selamat dan kondusif. Kaunselor perlu mengaplikasikan kemahiran mendengar secara aktif, menunjukkan empati, tidak menghakimi serta memberikan ruang kepada klien untuk meluahkan perasaan dan isu yang dihadapi. Pada peringkat ini juga, kaunselor perlu menjelaskan peranan, batasan bantuan, kod etika kaunseling, tempoh sesi serta hasil yang dijangka daripada proses kaunseling.

Dalam **Fasa Penerokaan Isu dan Penilaian Krisis**, kaunselor berusaha memahami punca konflik, corak hubungan, emosi serta faktor yang membawa kepada perceraian. Penilaian turut dilakukan bagi mengenal pasti tahap krisis yang dialami klien melalui pemerhatian lisan dan bukan lisan serta penggunaan instrumen yang sesuai. Antara aspek yang perlu diberikan perhatian ialah tanda-tanda kemurungan, trauma, kecenderungan mencederakan diri dan kebergantungan emosi yang boleh menjejaskan kesejahteraan individu.

Bagi **Fasa Intervensi**, kaunselor menetapkan matlamat kaunseling yang jelas berdasarkan prinsip **SMART (Specific, Measurable, Attainable, Realistic dan Time-bound)**. Intervensi yang digunakan boleh berbentuk **Action-Oriented** yang berfokus kepada tindakan atau **Insight-Oriented** yang memberi penekanan kepada kesedaran sendiri. Dalam konteks pra perceraian, intervensi bertujuan membantu pasangan mengurus konflik rumah tangga, meningkatkan kemahiran komunikasi dan membuat keputusan yang terbaik. Bagi pasca perceraian pula, intervensi memberi tumpuan kepada pengurusan emosi kehilangan, penerimaan diri dan pembinaan semula kehidupan baharu.

Pembentang turut menjelaskan bahawa **Fasa Sokongan** memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya tahan dan daya tindak individu selepas berlakunya perceraian. Kaunselor membantu klien membangunkan pelan tindakan yang bersesuaian serta menyediakan sokongan instrumental seperti maklumat berkaitan hak penjagaan anak, nafkah,

perundangan, bantuan kewangan dan peluang pekerjaan. Selain itu, sokongan emosi melalui empati, penghargaan sendiri dan rasa selamat turut diperkukuhkan. Klien juga digalakkan memanfaatkan rangkaian sokongan sosial yang terdiri daripada keluarga, rakan dan komuniti, selain dirujuk kepada agensi berkaitan seperti **LPPKN, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), institusi agama dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** mengikut keperluan.

Dalam **Fasa Penyesuaian Pasca Perceraian**, fokus utama adalah membantu individu menerima hakikat kehilangan, menyesuaikan diri dengan perubahan kehidupan dan membina semula kefungsi diri secara menyeluruh. Kaunseling pada peringkat ini menekankan pembangunan **daya tahan (resilience)** dan **daya tindak (coping)** yang positif bagi memastikan kestabilan emosi, sosial dan spiritual individu dapat dipulihkan serta diperkukuhkan.

Pembentangan turut membincangkan beberapa **jurang penyelidikan** yang masih perlu diberi perhatian. Antaranya ialah keterbatasan kepelbagaian responden dari segi jantina dan bangsa dalam kajian yang dijalankan. Selain itu, walaupun model tersebut telah melalui proses pengesahan menggunakan kaedah **Fuzzy Delphi**, keberkesanannya masih belum diuji secara empirikal melalui kajian quasi eksperimen yang melibatkan kaunselor di LPPKN.

Sehubungan itu, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memperkukuh pelaksanaan model tersebut. Antaranya ialah **pembangunan modul intervensi berstruktur berdasarkan model kaunseling krisis yang dibangunkan, penyediaan manual panduan praktikal untuk kaunselor, pembangunan aplikasi digital atau platform kaunseling hibrid serta pelaksanaan latihan dan kursus bagi meningkatkan kompetensi kaunselor**, khususnya dalam aspek memperkukuh kemahiran **adaptive coping** dalam kalangan klien.

Bagi menyokong pelaksanaan model tersebut, pembentang turut mencadangkan pembangunan modul yang disusun mengikut enam fasa model. Modul tersebut merangkumi komponen **saringan awal dan kesediaan klien, pembinaan hubungan dan kestabilan emosi, penerokaan isu, intervensi kognitif dan emosi, pembinaan daya tindak dan pelan tindakan, sokongan sosial serta sumber bantuan, dan penyesuaian kehidupan baharu**. Pendekatan ini dilihat berpotensi menjadi asas kepada pembangunan intervensi yang lebih komprehensif dan praktikal untuk digunakan oleh kaunselor dalam membantu individu yang berhadapan dengan krisis kehilangan akibat perceraian.

#### 4.6 Pembentangan 6:

Pembinaan Model Kaunseling Pra dan Pasca Perceraian Komprehensif WITAJ (Wiqayah, Tahlil wa 'Ilaj)

Dr. Rosliza Ahmad, Universiti Utara Malaysia



Dr. Rosliza Ahmad telah membentangkan hasil kajian bertajuk “**Pembinaan Model Kaunseling Pra dan Pasca Perceraian Komprehensif WITAJ (Wiqayah, Tahlil wa ‘Ilaj)**” yang bertujuan membangunkan satu model kaunseling yang sistematik, holistik dan bersepadu bagi menangani peningkatan kadar perceraian di Malaysia. Kajian ini turut memberi penekanan kepada pembangunan **instrumen saringan perceraian** yang dapat membantu menilai tahap risiko, keperluan dan kesediaan pasangan dalam menghadapi proses perceraian serta kehidupan selepas perceraian.

Model WITAJ yang dibangunkan berasaskan tiga komponen utama iaitu **Wiqayah (Pencegahan)**, **Tahlil (Analisis Keperluan)** dan **‘Ilaj (Pemulihan)**. Komponen Wiqayah menekankan usaha untuk **mencegah krisis perkahwinan dan memperkukuh hubungan**

**suami isteri** melalui pendekatan intervensi awal dan pengukuhan institusi keluarga. Komponen Tahlil pula berfungsi untuk **mengenal pasti punca, tahap dan keperluan intervensi terhadap konflik rumah tangga**, manakala komponen 'Ilaj memberi tumpuan kepada **proses pemulihan dan penyesuaian diri individu atau pasangan sebelum dan selepas perceraian** bagi memastikan kesejahteraan emosi, psikologi dan sosial dapat dipelihara.

Kajian ini telah menghasilkan beberapa output utama yang boleh dimanfaatkan dalam penyampaian perkhidmatan sokongan keluarga dan perceraian. Antaranya ialah **Model Kaunseling Pra Perceraian WITAJ, Model Kaunseling Pasca Perceraian WITAJ, Garis Panduan Pelaksanaan Model Kaunseling Pra dan Pasca Perceraian WITAJ**, serta **Instrumen Saringan Kesejahteraan Rumah Tangga WITAJ** dan **Instrumen Saringan Kesejahteraan Pasca Perceraian WITAJ**. Selain itu, kajian ini turut menghasilkan **kertas polisi** yang boleh dijadikan rujukan dalam penambahbaikan dasar dan perkhidmatan berkaitan pengurusan isu perceraian dan kesejahteraan keluarga.

Pembentangan turut mengetengahkan beberapa **jurang dalam amalan dan penyelidikan semasa**, khususnya berkaitan ketiadaan **model kaunseling perceraian yang standard dan boleh diguna pakai secara menyeluruh oleh pelbagai agensi serta pengamal kaunseling**. Di samping itu, belum terdapat model yang benar-benar komprehensif yang mengintegrasikan **nilai spiritual Islam, keperluan psikososial serta konteks budaya masyarakat tempatan** dalam pengurusan isu perceraian. Kajian juga mengenal pasti keperluan terhadap satu instrumen yang berupaya **menyaring pasangan yang berisiko tinggi untuk bercerai** bagi membolehkan tindakan intervensi awal dan sokongan bersasar dilaksanakan dengan lebih efektif.

Sehubungan itu, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk pertimbangan LPPKN. Antaranya ialah supaya **Model WITAJ dijadikan sebagai kerangka intervensi kebangsaan** dalam pengurusan kes perceraian dan konflik rumah tangga. Selain itu, **instrumen saringan pra dan pasca perceraian WITAJ** dicadangkan untuk diintegrasikan ke dalam sistem perkhidmatan LPPKN bagi meningkatkan ketepatan penilaian dan keberkesanan intervensi. Bagi memastikan pelaksanaan yang seragam dan berkualiti, **modul latihan berasaskan Model WITAJ** juga dicadangkan untuk dibangunkan dan digunakan dalam latihan pengamal kaunseling serta pegawai berkaitan. Pembentang turut mencadangkan agar pelaksanaan model ini disertakan dengan **mekanisme penilaian dan pemantauan berkala** bagi memastikan keberkesanan program serta penambahbaikan berterusan. Di samping itu, **penubuhan unit khas pemulihan pasca perceraian di bawah**

**LPPKN** wajar dipertimbangkan bagi menyediakan sokongan yang lebih komprehensif kepada individu dan keluarga yang terkesan akibat perceraian.

Secara keseluruhannya, kajian ini menawarkan satu pendekatan yang menyeluruh dan berstruktur dalam menangani isu perceraian melalui gabungan elemen **pencegahan, analisis keperluan dan pemulihan**, sekali gus berpotensi menjadi asas kepada pembangunan sistem sokongan keluarga yang lebih berkesan di peringkat nasional.

## 5.0 HASIL MAKMAL TERJEMAHAN PENYELIDIKAN (R2D LAB)

Hasil Makmal Terjemahan (*R2D Lab*) bagi Badai Pendamai LPPKN seperti di Lampiran 1. Huraian ringkas setiap makmal adalah seperti berikut:

### 5.1 Lab 1: “Badan Pendamai LPPKN: Keperluan, Kerangka Pelaksanaan dan Implikasi Dasar”

1. **Kemahiran mediasi dalam kalangan mediator masih tidak seragam**, sekali gus boleh menjejaskan keberkesanan proses pendamaian. Sehubungan itu, latihan yang lebih berstruktur perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi mediator. Cadangan ini diberi **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan**, dengan pembangunan **modul latihan asas** sebagai tindakan segera oleh LPPKN dan JPN.
2. **Ketiadaan garis panduan dan prosedur operasi standard yang komprehensif** menyebabkan pelaksanaan badan pendamai kurang seragam. Bagi menangani isu ini, manual pengurusan, garis panduan dan modul latihan yang lengkap perlu dibangunkan. Cadangan ini mempunyai **keutamaan tinggi dengan tahap kebolehlaksanaan sederhana**, manakala **pengemaskinian garis panduan sedia ada** boleh dilaksanakan sebagai tindakan segera oleh LPPKN dan JPN.
3. **Kerangka badan pendamai yang sedia ada masih memerlukan penjelasan** dari aspek fungsi, struktur dan bidang kuasa pelaksanaannya. Oleh itu, satu kerangka badan pendamai yang lebih komprehensif perlu diwujudkan bagi memperkukuh tadbir urus dan pelaksanaan perkhidmatan. Cadangan ini **berkepentingan tinggi dengan kebolehlaksanaan sederhana**, manakala **usaha ke arah pewartaan badan pendamai** boleh dilaksanakan sebagai langkah awal oleh LPPKN.
4. **Mekanisme rujukan perundangan selepas perceraian masih kurang jelas** kepada pihak yang memerlukan bantuan lanjut. Justeru, garis panduan rujukan yang standard dan mudah difahami perlu dibangunkan bagi memudahkan akses kepada

perkhidmatan berkaitan. Cadangan ini diberi **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan** melalui **penyediaan manual rujukan** oleh LPPKN, JPN dan rakan strategik.

5. **Ketiadaan mekanisme saringan awal** menyebabkan semua kes berpotensi dibawa terus ke peringkat tribunal tanpa penilaian kesesuaian. Bagi memastikan pengurusan kes yang lebih berkesan, **saringan pra-tribunal** perlu diperkenalkan dalam proses sedia ada. Cadangan ini mempunyai **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan** melalui penambahbaikan SOP oleh JPN.
6. **Tahap kesedaran masyarakat mengenai fungsi dan kepentingan badan pendamai masih rendah**, sekali gus menjejaskan penggunaan perkhidmatan tersebut. Oleh itu, program advokasi dan promosi yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman awam. Cadangan ini diberi **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan**, dengan pembangunan **platform digital badan pendamai** sebagai tindakan segera yang diterajui oleh LPPKN.
7. **Pembangunan kapasiti serta pengiktirafan formal kepada ahli tribunal masih perlu diperkukuhkan** bagi memastikan standard perkhidmatan yang lebih profesional dan konsisten. Sehubungan itu, latihan berterusan kepada ahli tribunal perlu dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pembangunan kompetensi. Cadangan ini mempunyai **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan**, dengan pelaksanaan **sistem akreditasi ahli tribunal** sebagai tindakan segera melalui kerjasama antara LPPKN dan JPN.





## 5.2 Lab 2: “SOP Pra Perceraian: Intervensi Awal dalam Konflik Rumah Tangga”

1. Analisis menunjukkan **intervensi sedia ada kurang membezakan keperluan klien dalam fasa pra dan pasca perceraian**, menyebabkan pendekatan kurang responsif terhadap situasi krisis. Sehubungan itu, pembangunan modul pra dan pasca perceraian berfasa dicadangkan melalui enam fasa intervensi iaitu saringan, pembinaan hubungan, penerokaan isu, intervensi, sokongan dan penyesuaian yang turut mengambil kira perceraian sebagai krisis kehilangan hubungan (attachement loss). Pendekatan ini mempunyai **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan** melalui **pembangunan modul khusus kaunselor** yang boleh dijadikan panduan standard intervensi.
2. Kajian menunjukkan akses **kepada intervensi awal masih terhad dan bergantung kepada kaedah bersemuka** yang melambatkan sokongan diberikan kepada pasangan. Oleh itu, pembangunan aplikasi kaunseling krisis digital atau chatbot AI dicadangkan sebagai platform sokongan awal yang lebih mudah dan pantas diakses oleh masyarakat. Pelaksanaan ini dilihat **berkeutamaan tinggi dan boleh digerakkan segera** melalui integrasi latihan kaunselor serta pengiktirafan LPPKN dan LKM, disokong dengan **pembangunan prototaip chatbot kaunseling krisis** sebagai langkah awal pelaksanaan.
3. Penelitian menunjukkan **ketidakteragamannya amalan intervensi antara kaunselor dan agensi** yang menjejaskan konsistensi perkhidmatan. Justeru, pewujudan SOP standard nasional melalui modul K.A.S.I.H dicadangkan bagi menyeragamkan pendekatan intervensi termasuk pengurusan isu triangulasi, trauma kecurangan dan sempadan keluarga secara lebih sistematik. Inisiatif ini berada pada **tahap tinggi kerana model telah dibangunkan dan diuji bersama pakar, namun pelaksanaannya masih memerlukan proses pengesahan institusi** (LKM dan KPWKM) di samping **memanfaatkan infrastruktur agensi sedia ada yang telah tersedia**.
4. Tinjauan menunjukkan **kaunselor masih perlu diperkukuh dalam mengendalikan kes konflik keluarga** yang kompleks seperti triangulasi, trauma kecurangan dan sempadan keluarga. Oleh itu, **latihan berstruktur** Modul K.A.S.I.H dicadangkan melalui bengkel intensif, Train-the-Trainer dan CPD berterusan bagi meningkatkan kemahiran intervensi secara lebih sistematik. Cadangan ini **berimpak tinggi dan mudah dilaksanakan** melalui **penggunaan struktur latihan sedia ada** yang boleh terus diaktifkan secara menyeluruh.

5. Analisis sistem menunjukkan **wujud jurang dalam perkhidmatan intervensi pasca krisis** khususnya bagi kes konflik berat yang memerlukan pendekatan berstruktur. Sehubungan itu, penubuhan Unit Intervensi Krisis Perkahwinan di bawah LPPKN dicadangkan sebagai pusat rujukan khusus yang melaksanakan fungsi triase, penerimaan kes dan pemulihan berfasa. Inisiatif ini mempunyai **kepentingan sederhana dan boleh dimulakan** melalui pelaksanaan projek rintis sebagai asas pembangunan struktur unit yang lebih menyeluruh.
6. Pendekatan intervensi sedia ada didapati masih **terlalu umum dan kurang memberi tumpuan kepada faktor sistemik** yang mencetuskan konflik keluarga. Oleh itu, Model IRK dicadangkan sebagai kerangka intervensi klinikal standard yang menggabungkan pendekatan Bowen, Minuchin dan EFT serta disokong instrumen seperti *boundary mapping* dan *risk assessment checklist* bagi memperkukuh intervensi. Model ini sesuai **dilaksanakan secara terus** kerana **instrumen asas telah tersedia** untuk digunakan dalam sesi intervensi kaunseling.
7. Kajian menunjukkan gangguan daripada ahli keluarga dan pihak ketiga merupakan antara faktor utama konflik rumah tangga, namun **pendidikan sempadan keluarga masih belum diberi penekanan secara formal**. Oleh itu, integrasi pendidikan sempadan keluarga dalam program pra perkahwinan dan program keluarga dicadangkan bagi memperkukuh kefahaman pasangan dalam menguruskan hubungan keluarga luas. Pendekatan ini **boleh dilaksanakan secara terus** melalui **integrasi dalam program sedia ada** dengan kerjasama agensi berkaitan seperti JAKIM dan jabatan agama negeri.
8. Kajian menunjukkan peningkatan konflik rumah tangga berpunca daripada **interaksi digital seperti cyber-affair dan emotional infidelity** seiring perkembangan teknologi komunikasi. Oleh itu, literasi hubungan digital dicadangkan dalam program pencegahan perkahwinan bagi meningkatkan kesedaran risiko hubungan dalam talian khususnya dalam kalangan belia dan pasangan muda. Inisiatif ini boleh **dilaksanakan secara berperingkat** melalui **pembangunan kandungan baharu serta kolaborasi pelbagai agensi** dalam pendidikan keluarga.
9. Penilaian menunjukkan Modul K.A.S.I.H berpotensi tinggi namun masih **belum diuji secara empirikal untuk mengesahkan keberkesanannya**. Justeru, kajian kuasi-eksperimental dicadangkan bagi menilai impak modul terhadap indikator seperti kepuasan klien, kadar penyelesaian konflik dan fungsi keluarga. Kajian ini penting bagi memastikan keberkesanan intervensi dapat dibuktikan secara saintifik walaupun

memerlukan tempoh pelaksanaan yang lebih panjang, dengan pelaksanaan kajian rintis sebagai langkah awal penilaian.

10. Semakan dasar menunjukkan **ketiadaan kerangka intervensi krisis keluarga** yang berasaskan model klinikal secara menyeluruh. Oleh itu, Model IRK dicadangkan untuk diintegrasikan dalam Dasar Keluarga Malaysia sebagai asas kepada intervensi keluarga di peringkat nasional yang lebih sistematik. Inisiatif ini mempunyai **kepentingan strategik yang tinggi** dan boleh dimulakan melalui **penyediaan kertas cadangan dasar** sebagai asas kepada pengarusperdanaan model.
11. Masih terdapat **kekeliruan dalam kalangan pasangan mengenai fungsi dan proses tribunal** yang menjejaskan keberkesanan intervensi. Sehubungan itu, SOP penerangan standard, skrip komunikasi dan FAQ pelbagai bahasa dicadangkan bagi memperjelas proses sebelum sesi kaunseling dijalankan. Pendekatan **ini mudah dilaksanakan dan memberi impak segera** kepada kefahaman klien melalui **pembangunan bahan penerangan standard tribunal sebagai rujukan operasi**.





### 5.3 Lab 3: “Modul dan Intervensi Pasca Perceraian: Ke Arah Sokongan Keluarga lebih Komprehensif”

1. Dapatan kajian menunjukkan bahawa **Model WeTouch berpotensi digunakan sebagai pendekatan intervensi bagi klien pasca perceraian**, namun pelaksanaannya masih belum diperluaskan secara sistematik dalam perkhidmatan kaunseling. Sehubungan itu, dicadangkan agar advokasi dan penggunaan model ini diperkukuhkan dalam kalangan kaunselor LPPKN bagi meningkatkan keberkesanan sokongan kepada klien. Cadangan ini mempunyai **keutamaan tinggi dengan tahap kebolehlaksanaan sederhana** kerana memerlukan penyesuaian kepada amalan sedia ada. Sebagai tindakan awal, **modul WeTouch dan program *Training of Trainers* (TOT)** perlu dibangunkan bagi meningkatkan kompetensi kaunselor dalam melaksanakan intervensi tersebut.
2. Dapatan kajian mendapati bahawa **tahap kesejahteraan individu selepas perceraian tidak pernah diukur secara sistematik**, menyebabkan kesukaran dalam mengenal pasti keperluan sokongan yang diperlukan. Bagi menangani isu ini, dicadangkan penggunaan Instrumen Saringan Kesejahteraan WeTouch untuk menilai tahap kesejahteraan individu pasca perceraian dan seterusnya merujuk mereka kepada kaunselor LPPKN sekiranya memerlukan intervensi lanjut. Cadangan ini mempunyai **keutamaan yang sangat tinggi dan mudah dilaksanakan** kerana melibatkan penggunaan instrumen yang sedia ada. Sebagai tindakan segera, instrumen tersebut boleh diuji semula kepada sekurang-kurangnya **100 individu yang telah mengemaskini status perceraian**, bagi mendapatkan data awal berkaitan kesejahteraan pasca perceraian.
3. Kajian menunjukkan bahawa **tiada mekanisme yang jelas bagi membuat keputusan. Bersama secara bukan hierarki yang turut mengambil kira suara anak dalam situasi pasca perceraian**. Oleh itu, dicadangkan pelaksanaan program mediasi mandatori yang menekankan konsep co-parenting serta pembangunan Manual Panduan Co-Parenting sebagai rujukan standard kepada ibu bapa dan pihak berkepentingan. Cadangan ini mempunyai **keutamaan tinggi dengan kebolehlaksanaan sederhana** kerana memerlukan penyelarasan antara pelbagai agensi. Sebagai tindakan utama, modul co-parenting perlu diseragamkan di bawah LPPKN serta diintegrasikan dengan prinsip **penglibatan kanak-kanak dalam membuat keputusan keluarga** selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

4. Dapatan kajian mendapati bahawa **tiada sistem semakan berkala terhadap pengaturhan hak penjagaan anak dalam tempoh jangka panjang**, menyebabkan keputusan yang dibuat tidak lagi sesuai dengan perubahan situasi kehidupan anak dan keluarga. Bagi mengatasi isu ini, dicadangkan penubuhan **Community Support and Mediation Centres (CSMC)** yang diselaraskan secara bersama oleh LPPKN, JKM serta Mahkamah Syariah dan Sivil. Cadangan ini mempunyai **keutamaan yang sangat tinggi dengan tahap kebolehlaksanaan sederhana** kerana memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Sebagai tindakan awal, mekanisme semakan kes setiap dua hingga tiga tahun serta sistem pemantauan bersepadu berasaskan pendekatan mediasi komuniti perlu diwujudkan.
5. Kajian mendapati **bahawa tiada definisi operasional dan kriteria yang jelas bagi membezakan antara “Nasty Divorce” dan “Healthy Divorce”**, sekali gus mewujudkan kekaburan dalam pembangunan definisi operasional yang merangkumi ciri-ciri serta indikator pengukuran bagi kedua-dua konsep tersebut. Cadangan ini mempunyai **keutamaan tinggi dan mudah dilaksanakan** kerana lebih tertumpu kepada pembangunan definisi ini boleh digunakan sebagai **asas pembentukan polisi keluarga, garis panduan mahkamah serta modul latihan profesional** untuk kaunselor, mediator dan pengamal perundangan keluarga.



## 6.0 UCAPAN PENUTUP SESI R2D BADAN PENDAMAI LPPKN



Dalam ucapan penutup, YBhg. Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN merakamkan penghargaan kepada semua moderator, panel, penyelidik Geran Penyelidikan LPPKN (GP LPPKN) 2025 serta pegawai-pegawai LPPKN yang telah memberikan komitmen dan sumbangan sepanjang pelaksanaan Sesi Research-to-Development (R2D) Badan Pendamai LPPKN. Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga (BPKK) dan Bahagian Kesejahteraan Keluarga (BKK) atas penganjuran sesi tersebut yang menjadi platform penting dalam memastikan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada pembangunan dasar, program dan intervensi yang memberi impak kepada masyarakat.

Beliau menegaskan bahawa pendekatan R2D merupakan satu bentuk **tadbir urus berasaskan bukti (evidence-based governance)** yang wajar diperluaskan dalam pelaksanaan perkhidmatan LPPKN. Sepanjang sesi R2D, pelbagai isu berkaitan pelaksanaan Badan Pendamai telah dibincangkan secara mendalam, termasuk aspek kerangka

pelaksanaan, penambahbaikan proses tribunal perkahwinan, intervensi awal konflik rumah tangga serta pembangunan modul sokongan pra dan pasca perceraian. Perbincangan yang dilaksanakan melalui Makmal Terjemahan Penyelidikan (Lab R2D) berjaya menghasilkan pelbagai cadangan yang praktikal, konstruktif dan berasaskan bukti.

Menurut beliau, antara hasil signifikan yang dikenal pasti melalui sesi tersebut adalah **cadangan memperkukuh garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) Badan Pendamai LPPKN**, penambahbaikan model pelaksanaan yang lebih bersepadu merangkumi struktur organisasi dan mekanisme penyelarasan antara agensi, serta pembangunan model dan modul sokongan yang lebih komprehensif dan responsif terhadap keperluan semasa masyarakat. Beliau menekankan bahawa segala dapatan, pandangan dan cadangan yang dirumuskan tidak akan terhenti pada peringkat perbincangan, sebaliknya akan diperhalusi dan dibawa ke peringkat seterusnya untuk tujuan pementapan pelaksanaan perkhidmatan Badan Pendamai.

Dalam masa yang sama, beliau menegaskan bahawa **Badan Pendamai LPPKN perlu diperkasakan sebagai model intervensi nasional dalam pengurusan konflik keluarga**, dan tidak hanya dilihat sebagai perkhidmatan sokongan semata-mata. Kerjasama strategik antara LPPKN dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) turut disifatkan sebagai langkah penting ke arah pelaksanaan pendekatan *whole-of-government* yang membolehkan pengurusan konflik perkahwinan dan keluarga dilaksanakan secara lebih sistematik, menyeluruh dan bersepadu bermula daripada peringkat pencegahan, pendamaian sehingga kepada pemulihan.

Beliau turut menjelaskan bahawa segala usaha yang dilaksanakan melalui inisiatif ini adalah selari dengan aspirasi **Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN)** dan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara yang memberi penekanan kepada pengukuhan institusi keluarga sebagai asas kesejahteraan sosial negara. Melalui pendekatan R2D, LPPKN bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan satu program, malah sedang membangunkan ekosistem intervensi keluarga yang berasaskan bukti, kolaborasi antara agensi dan berorientasikan hasil jangka panjang.

Sebagai langkah susulan, beliau memaklumkan bahawa hasil sesi R2D akan diperhalusi untuk menyokong persiapan pelancaran inisiatif Badan Pendamai LPPKN. Antara keutamaan yang dikenal pasti termasuk **pemuktamadan SOP dan model pelaksanaan, pengukuhan kapasiti pelaksana di peringkat lapangan, peluasan kerjasama strategik antara agensi**

termasuk JPN, serta pembangunan mekanisme pengukuran impak dan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan.

Mengakhiri ucapan, beliau berharap agar segala dapatan dan rumusan yang dihasilkan melalui sesi R2D dapat diterjemahkan kepada tindakan yang konkrit serta memberi impak yang tinggi kepada pengukuhan institusi keluarga. Beliau turut menegaskan bahawa usaha yang dilaksanakan melalui inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan LPPKN untuk memartabatkan institusi keluarga di Malaysia sebagai asas kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# PEMBENTANGAN HASIL MAKMAL TERJEMAHAN PENYELIDIKAN (R2D LAB) & RUMUSAN

**SESI RESEARCH-TO-DEVELOPMENT (R2D)  
BADAN PENDAMAI LPPKN**

21 APRIL 2026 (SELASA)  
HOTEL DORSETT PUTRAJAYA



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



LPPKN  
MENERAJUI  
KESEJAHTERAAN  
KELUARGA

# LAB 1: BADAN PENDAMAI LPPKN: KEPERLUAN, KERANGKA PELAKSANAAN DAN IMPLIKASI DASAR

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
1.	Mediator mempunyai sikap baik tetapi kemahiran mediasi lemah → mediasi tidak efektif (kajian UCSI)	Program latihan mediator berstruktur	Tinggi – Mudah	Bangunkan modul latihan asas mediator	Bajet
2.	Tiada panduan/SOP/rujukan bertulis (perlu pelbagai bahasa) (UCSI)	Manual pengurusan/kerangka tribunal/garis panduan ahli tribunal yang dilantik dan melantik/garis panduan badan pendamai/manual latihan (keutamaan - memperkasa sedia ada - penambahan berdasarkan kajian GP LPPKN)	Tinggi - sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>Garis panduan ahli tribunal yang sedia ada</li> <li>Manual latihan</li> <li>Garis panduan kepada pemohon &amp; responden</li> <li>Garis panduan kepada pihak berkuasa melantik</li> <li>Jawatankuasa etika</li> </ul>	Komitmen dari JPN (1,700 ahli tribunal) - mesyuarat & etc / cadangan pelaksanaan 2028
3.	Kerangka badan pendamai belum jelas	Mewujudkan kerangka badan pendamai	Tinggi - sederhana (proses pindaan akta)	1 badan pendamai yang digazetkan	LPPKN
4.	Isu rujukan perundangan selepas bercerai (IMU)	Pembangunan garis panduan rujukan	Tinggi - mudah	Manual rujukan untuk pempetisyen dan responden	Tindakan - UCSI, JPN, IMU

## LAB 1: BADAN PENDAMAI LPPKN: KEPERLUAN, KERANGKA PELAKSANAAN DAN IMPLIKASI DASAR

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
5.	Ketiadaan saringan pra tribunal (IMU & UCSI)	Pelaksanaan saringan pra tribunal	Tinggi - mudah	Penambahbaikan SOP (IMU)	JPN
6.	Ketiadaan maklumat berkenaan keperluan kewujudan badan pendamai (IMU & UCSI)	Advokasi mewujudkan badan pendamai	Tinggi - mudah	Mewujudkan platform digital maklumat badan pendamai	LPPKN
7.	Pembangunan kapasiti dan pengiktirafan akhir ahli tribunal (UCSI)	Badan pendamai perlukan latihan	Tinggi - mudah	Akreditasi	LPPKN & JPN

## LAB 2: SOP PRA PERCERAIAN: INTERVENSI AWAL DALAM KONFLIK RUMAH TANGGA

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
1.	Modul yang berbeza untuk pra (untuk membuat Keputusan bercerai atau tambah baik) dan pasca (adaptasi) perceraian	6 Fasa: Saringan awal; Pembinaan hubungan dan penstrukturan sesi; Penerokaan dan penilaian isu; Intervensi; Sokongan dan Penyesuaian	Tinggi – khusus untuk kaunselor sahaja	Modul untuk krisis keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perceraian sebagai krisis kehilangan <i>attachment figure</i></li> <li>Ada pilihan yang ketiga selain bercerai atau tambah baik iaitu maintain status quo</li> <li>Fasa 6 berbeza untuk pra dan pasca mengikut model intervensi krisis</li> <li>Disermen kaunseling</li> </ul>
2.	Pra intervensi awal	Aplikasi kaunseling krisis digital atau AI Chatbox, aplikasi mudah alih RPSD/USM	Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>latihan kepada kaunselor dan diiktiraf oleh LPPKN-LKM</li> <li>adaptasi instrumen krisis perceraian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cadangan bajet instrument</li> <li>Melaksanakan promosi/ advokasi badan pendamai kepada masyarakat</li> </ul>
3.	Tiada Modul / Sop Standard Nasional - Kaunselor bergantung kepada pendekatan umum; tiada modul standard yang menangani triangulasi, betrayal trauma & sempadan. Intervensi tidak seragam merentas agensi.	Jadikan Modul K.A.S.I.H sebagai SOP rasmi kaunseling keluarga LPPKN. Rangka kertas cadangan polisi kepada pengurusan LPPKN dan KPWKM untuk pengesahan formal.	Tinggi - Model sudah dibangunkan & diuji bersama pakar. Memerlukan proses pengesahan institusi (LKM, KPWKM). Infrastruktur agensi sedia ada boleh diguna pakai.	Tidak — perlu kelulusan polisi	Pecahkan kepada modul intervensi gangguan orang ketiga romantik dan non-romantik.

## LAB 2: SOP PRA PERCERAIAN: INTERVENSI AWAL DALAM KONFLIK RUMAH TANGGA

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
4.	Tiada Latihan Kaunselor Berstruktur Untuk Kes Gangguan Orang Ketiga - Kaunselor menerima latihan asas sahaja; tiada pendedahan kepada intervensi khusus triangulasi, pemulihan trauma kecurangan & pengurusan sempadan keluarga besar.	Laksanakan bengkel latihan intensif 2–3 hari Modul K.A.S.I.H kepada kaunselor LPPKN, disusuli Train-the-Trainer. Integrasikan dalam CPD rasmi & silibus IPTA.	Tinggi - Boleh dilaksanakan segera dengan pasukan penyelidik sebagai fasilitator. Kos rendah, prasarana latihan sedia ada. Perlu penjadualan dengan pengurusan LPPKN.	Ya	Perlu peruntukan bajet untuk pra uji modul dengan usahasama LPPKN dan JPN
5.	Jurang Intervensi Pasca-krisis (Post-marital Crisis Gap) - Program sedia ada fokus kepada pra-perkahwinan sahaja. Tiada protokol nasional untuk kes pasca-kecurangan, betrayal trauma, atau campur tangan keluarga besar yang kritikal.	Tubuhkan Unit Intervensi Krisis Perkahwinan di bawah LPPKN sebagai pusat rujukan pasca-krisis. Bangunkan protokol penerimaan kes, triase & modul pemulihan berfasa.	Sederhana - Memerlukan peruntukan kewangan, penambahan kaunselor terlatih & garis panduan operasi baharu. Boleh dimulakan sebagai projek perintis di 2–3 pusat LPPKN terpilih.	Tidak — perlu sumber & struktur baharu	-
6.	Intervensi Generik, Tidak Menyasar Punca Sistemik - Intervensi sedia ada fokus kepada komunikasi & nasihat umum; tidak menangani triangulasi, emotional cutoff, attachment injury atau sempadan kabur secara mendalam & berfasa.	Gunakan Model IRK (Bowen + Minuchin + EFT) sebagai kerangka klinikal standard. Sediakan skrip intervensi, boundary mapping sheet, emotional safety checklist & risk assessment untuk setiap kaunselor.	Tinggi - Instrumen dan worksheet sudah dibangunkan dalam kajian.	Ya	-

## LAB 2: SOP PRA PERCERAIAN: INTERVENSI AWAL DALAM KONFLIK RUMAH TANGGA

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
7.	Tiada Pendidikan Sempadan Keluarga (Family Boundary Education) - Gangguan bukan romantik (mertua, ipar, rakan sekerja) merupakan punca utama konflik, namun tiada modul pendidikan sempadan keluarga dalam mana-mana program pra-perkahwinan nasional.	Integrasikan Family Boundary Education dalam Kursus Pra-Perkahwinan Islam (JAIN) dan program LPPKN merentas semua etnik. Kandungan: cross-generational coalition, privasi perkahwinan nuklear.	Tinggi- Paling mudah dilaksanakan — boleh ditambah sebagai modul baharu dalam kursus sedia ada. Memerlukan kerjasama JAIN/JAKIM & Jabatan Agama Negeri/ NGO/ Badan Agama	Ya	-
8.	Risiko Digital Tidak Ditangani (Cyber-affair / Emotional Infidelity) - 88.7% rakyat Malaysia guna internet; >40% pasangan dalam konflik melaporkan media sosial sebagai pencetus. Sempadan digital longgar membuka ruang kelekatan alternatif.	Bangunkan komponen Literasi Hubungan Digital dalam program pencegahan 'Safe Marriage & Relationship Literacy' untuk belia, pasangan muda & golongan berisiko.	Sederhana -Modul boleh dibangunkan berasaskan kandungan kajian sedia ada. Capaian luas melalui LPPKN, KBS, IPTA. Memerlukan pembangunan kandungan baharu & kerjasama agensi.	Tidak — perlu pembangunan kandungan	-
9.	Tiada Kajian Keberkesanan (Efficacy Study) Modul - Modul K.A.S.I.H telah dibangunkan berasaskan data kualitatif & teori, namun belum melalui kajian keberkesanan formal untuk membuktikan impak klinikal secara empirikal.	Jalankan efficacy study kuasi-eksperimental atau RCT di 3–5 pusat kaunseling LPPKN terpilih. Ukur: kepuasan klien, kadar resolusi konflik, fungsi keluarga & kadar rujukan semula.	Sederhana -Memerlukan perancangan reka bentuk kajian, kelulusan etika & tempoh 6–12 bulan. Kebolehlaksanaan tinggi jika latihan kaunselor diselesaikan dahulu sebagai prasyarat	Tidak — perlu kelulusan etika & masa	-

## LAB 2: SOP PRA PERCERAIAN: INTERVENSI AWAL DALAM KONFLIK RUMAH TANGGA

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
10.	Model IRK Belum Diintegrasikan Dalam Dasar Keluarga Kebangsaan - Dasar Keluarga Malaysia 2021–2030 belum memasukkan kerangka intervensi pasca-krisis bersepadu. Model IRK berpotensi menjadi asas saintifik kepada dasar keluarga nasional.	Cadangkan pengintegrasian Model IRK dalam Dasar Keluarga Negara melalui KPWKM. Bangunkan Manual Intervensi Nasional untuk LPPKN, JKM, JAIN & NGO sebagai panduan bersepadu.	Jangka panjang -Proses panjang melibatkan pelbagai kementerian & agensi (KPWKM, JAKIM, JKM). Memerlukan advokasi polisi & bukti keberkesanan kajian terlebih dahulu.	Tidak — advokasi & bukti diperlukan dahulu	-
11.	Pasangan tidak memahami tujuan tribunal, tidak jelas prosedur sesi dan tujuan intervensi awal	SOP perlu memisahkan dengan jelas 3 fungsi utama, pertama penerangan proses, kedua intervensi konflik dan ketiga laluan rujukan	Sederhana- sediakan skrip penerangan standard 3 minit dan helain FAQ multibahasa untuk pasangan sebelum sesi bermula	Mengurangkan kekeliruan pasangan mengenai tujuan tribunal	-

## LAB 3: MODUL DAN INTERVENSI PASCA PERCERAIAN: KE ARAH SOKONGAN KELUARGA LEBIH KOMPREHENSIF

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
1.	Implimentasi model WeTouch dalam intervensi klien pasca perceraian.	Advokasi kaunseling WeTouch pasca perceraian oleh kaunselor LPPKN	Tinggi - sederhana	Pembinaan modul dan TOT kepada kaunselor LPPKN.	-
2.	Tahap kesejahteraan pasangan selepas bercerai tidak pernah diukur selepas melalui perceraian.	Mengukur tahap kesejahteraan pasangan pasca perceraian melalui intrumen saringan kesejahteraan WeTouch. Daripada dapatan hasil saringan (mengetahui tahap), klien dapat dirujuk ke kaunselor LPPKN untuk kaunseling intervensi.	Sangat tinggi - mudah	Retest instrumen kepada responden pasca perceraian sekurang-kurangnya 100 responden yang mengemaskini status perkahwinan.	Bajet (anggaran): RM20 x 200 = RM4,000
3.	Tiada kuasa atau mekanisme yang jelas dalam membuat keputusan secara bersama (non-hierarki) yang melibatkan suara anak dalam situasi pasca perceraian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan program mediasi mandatori yang menekankan pendidikan keibubapaan bersama (co-parenting).</li> <li>Pembangunan Manual Panduan Co-Parenting sebagai rujukan standard kepada ibu bapa dan pihak berkepentingan.</li> </ul>	Tinggi - Sederhana	Standardisasi modul co-parenting di bawah LPPKN / Mahkamah Syariah & Sivil Integrasi prinsip child participation (UNCRC Article 12) dalam proses membuat keputusan keluarga	-

## LAB 3: MODUL DAN INTERVENSI PASCA PERCERAIAN: KE ARAH SOKONGAN KELUARGA LEBIH KOMPREHENSIF

BIL	1. DAPATAN KAJIAN & ISU SISTEM	2. CADANGAN INTERVENSI	3. KEUTAMAAN & KEBOLEHLAKSANAAN	4. TINDAKAN UTAMA (QUICK WIN)	5. CATATAN
4	Tiada sistem semakan berkala terhadap pengaturan hak penjagaan anak dalam tempoh jangka panjang (7–9 tahun), menyebabkan ketidaksesuaian dengan perubahan situasi kehidupan anak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan Community Support and Mediation Centres (CSMC) yang diselarasakan oleh:               <ul style="list-style-type: none"> <li>• LPPKN</li> <li>• JKM</li> <li>• Mahkamah Syariah/Sivil</li> </ul> </li> </ul>	Sangat tinggi - sederhana	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wujudkan review mechanism setiap 2–3 tahu</li> <li>• Sistem pemantauan bersepadu (case tracking system)</li> <li>• Pendekatan mediasi berasaskan komuniti (sulh)</li> </ul>	-
5.	Tiada definisi operasi dan kriteria yang jelas bagi membezakan antara “Nasty Divorce” dan “Healthy Divorce”, menyebabkan kekaburan dalam intervensi dan polisi.	Pembangunan Definisi operasional: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciri – ciri (characteristics)</li> <li>• Indikator pengukuran bagi kedua-dua konsep: Nasty and Healthy Divorce</li> </ul>	Tinggi - mudah	Digunakan sebagai: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas Pembangunan polisi keluarga</li> <li>• Garis panduan mahkamah</li> <li>• Modul Latihan professional (kaunselor, mediator, peguam syariah/sivil)</li> </ul>	-

## 7.0 LAMPIRAN

### 7.2 Senarai Kehadiran Makmal Terjemahan (R2D Lab)

#### Tetamu Kehormat:

Bil.	Nama	Kementerian/Jabatan
1.	Datuk Seri Rohani Abdul Karim	Pengerusi, LPPKN
2.	Dato' Abdul Shukur Abdullah	Ketua Pengarah, LPPKN
3.	Dato' Badrul Hisham Alias	Ketua Pengarah, JPN

#### Moderator:

Bil.	Nama	Kementerian/Jabatan/Agensi/NGO
4.	Dato' Dr. Abd Hali Mohd Hussin	PERKAMA
5.	Prof. Dr. Siti Aishah Hassan	Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM)

#### Ahli Panel:

Bil.	Nama	Kementerian/Jabatan/Agensi/NGO
6.	Tuan Haji Hairil Fadzly Md Akir	LPPKN
7.	Puan Rosmonaliza Abdul Ghani	LPPKN
8.	Encik Adzmel Mahmud	LPPKN
9.	Encik Ismahalil Ishak	LPPKN
10.	Encik Firdaus Mazalan	LPPKN
11.	Encik Md Noh Saiman	LPPKN
12.	Puan Rasidah Sulaiman	LPPKN

13.	Encik Kenny Chin Wei Yi	LPPKN
14.	Puan Salwana Tan Sri Dato' Mahmood	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
15.	Puan Nazare Yusra Mohamed@Yusof	Jabatan Kebajikan Masyarakat
16.	Puan Rashidah Md Rashid	JPN
17.	Puan Rodz'ah Daud	JPN
18.	Puan Siti Maslinda Mardi	JPN
19.	Dr. Amran Hassan	JPN
20.	Tuan Shukran Yusof	Jabatan Bantuan Guaman
21.	Tuan Abdul Malik Soleh	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
22.	Paramesvari Ramasamy	Malaysia Hindu Sangam
23.	Sheryl Chieng Lin Funn	Focus on the Family Malaysia

**Penyelidik GP LPPKN 2025:**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Kementerian/Jabatan/Agensi/NGO</b>
24.	Prof. Dr. Mansor Abu Talib	UCSI University
25.	Mr. Eric Ren	UCSI University
26.	Dr. Teoh Gaik Kin	IMU University
27.	Dr. Aini Azeqa Ma'rof	Universiti Putra Malaysia
28.	Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad	Universiti Sains Malaysia
29.	Cik Afrina Athirah Abdul Aziz	Universiti Sains Malaysia
30.	Dr. Asmaul Husna Haris Fadzilah	Universiti Malaysia Sarawak

31.	Dr. Nur Auni Ugong	Universiti Malaysia Sarawak
32.	Dr. Rosliza Ahmad	Universiti Utara Malaysia
33.	Dr. Norazlina Zakaria	Universiti Utara Malaysia

**Urus Setia: Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga (BPKK)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>
34.	Encik Ahmad Hashimi Mohammad
35.	Encik Ahmad Rasyidee Abd Razak
36.	Encik Mohd Shukri Hashim
37.	Cik Nur Ashikin Mohammad Fuzi
38.	Puan Nur Syafira Sukarno
39.	Nor Fahizahtulliana Ahmad Idris
40.	Encik Wan Muhammad Yusran Wan Samsudin